



*EON Inspirasi*  
Edisi Dr. Nor'aishah Abu Shah

*Rahsia Lebah*  
Sains vs Alquran

*Warisan Semulajadi Geologi*  
Hubungan dengan Flora dan Fauna

*Basic Navigation in Forest*  
Tips and tricks

ISSN 2773-5869



9 772773 586005

# Makalah Akademia

## EKTOPARASIT: ANCAMAN TERSEMBUNYI KEPADA KESIHATAN KUCING

Oleh

Syarifah Faezah Syed Mohamad dan Norfitri  
Shafika Mohd Hussin

Fakulti Sains Gunaan, UiTM Cawangan Pahang  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Jengka,  
Pahang

[sharifahfaezah@uitm.edu.my](mailto:sharifahfaezah@uitm.edu.my)

EDITOR: DR. AIDA SYAFINAZ MOKHTAR


Kucing domestik atau nama saintifiknya *Felis catus* adalah haiwan kesayangan yang paling popular di kalangan rakyat Malaysia. Kucing mempunyai penampilan yang menarik dan menyenangkan, serta memiliki keupayaan untuk mengawal populasi perosak di rumah tuannya. Walau bagaimanapun, ektoparasit yang menjangkiti kucing peliharaan boleh menyebarkan penyakit kepada mereka dan juga manusia. Di kawasan pedalaman mahupun bandar, kucing domestik boleh ditemui bersama-sama populasi manusia. Disebabkan kecenderungan mereka berkeliaran di luar dan terdedah kepada persekitaran, maka kucing domestik lebih rentan kepada jangkitan oleh parasit.

Ektoparasit ialah haiwan yang tinggal di atas badan haiwan atau organisma lain dan hidup dengan menghisap darah perumahnya.


Terdapat pelbagai jenis ektoparasit yang boleh menyerang kucing, tetapi kebiasaannya, terdapat empat jenis ektoparasit yang sering menyerang kucing domestik termasuklah sengkenit (*tick*), tungau/hama (*mites*), pinjal (*fleas*) dan kutu (*lice*) (Borji et al., 2011). Menurut penelitian oleh Jittapalpong et al., (2008), infestasi ektoparasit yang serius mengakibatkan kehilangan darah yang signifikan pada haiwan peliharaan, lantas membahayakan nyawa haiwan yang masih muda atau sedang sakit. Faktor lingkungan, seperti kelembapan dan suhu habitat, turut mempengaruhi pengembangbiak ektoparasit. Selain itu, faktor sosioekonomi juga memainkan peranan penting dalam kemunculan ektoparasit, kerana kenaikan sara hidup menyebabkan pemilik haiwan peliharaan kurang memberi perhatian kepada kesihatan haiwan kesayangan mereka.

Artikel ini ditulis untuk melaporkan hasil kajian yang bertujuan untuk mengenalpasti jenis-jenis ektoparasit yang ada pada kucing. Selain itu, penulis juga ingin mengukur sejauh mana masalah infestasi ektoparasit pada kucing. Kajian ini telah dijalankan di sekitar Bandar Jengka, Pahang, yang mempunyai persekitaran hutan hujan tropika dan suhu tahunan purata sekitar 28 °C dan tertumpu kepada tiga kawasan perumahan iaitu Taman Jengka Mahkota, Taman Jengka Indah, dan Taman Jengka Impian. Sebanyak sepuluh ekor kucing rumah telah diperiksa dan didapati bahawa 70 % daripada mereka mempunyai serangan ektoparasit (Rajah 1). Jenis ektoparasit yang dijumpai termasuk dari spesies *Rhipicephalus sanguineus* (40%), pinjal *Ctenocephalides canis* (60%) and *Ctenocephalides felis* (70%), dan hama *Otodectes cynotis* (30%). Di Taman Jengka Mahkota, dengan kepadatan penduduk yang lebih tinggi, mempamerkan intensiti ektoparasit yang lebih besar dengan intensiti minimum (14) berbanding Taman Jengka Impian (12) dan Taman Jengka Indah (9) (Rajah 2).


Spesis *Ctenocephalides felis* adalah ektoparasit yang terbanyak ditemui dalam kucing domestik dari tiga kawasan berbeza di Bandar Jengka (Rajah 3) manakala *earmites* *Rhipicephalus sanguineus* menunjukkan intensiti jangkitan tertinggi dengan jumlah 6 (24 *earmites*/4 kucing) (Rajah 4) .




Rajah 1: Peratusan kucing domestik yang dijangkiti dan tidak dijangkiti



Rajah 2: Intensiti jangkitan ektoparasit mengikut tempat kajian.




Rajah 3: Peratusan ektoparasit yang dijumpai pada kucing



Rajah 4: Intensiti jangkitan ektoparasit berdasarkan spesies.

Kehadiran yang lebih tinggi bagi pinjal *Ctenocephalides felis* dan *Ctenocephalides canis* (Rajah 1a dan 1b) boleh dikaitkan dengan pemboleh ubah demografi dan alam sekitar yang mempengaruhi kelangsungan hidup, perkembangan, dan pembiakan mereka (Koutinas et al., 1995). Bandar Pusat Jengka adalah kawasan yang bersuhu dan berkelembapan relatif yang tinggi pada 80.6 % dan suhu tahunan sederhana pada purata 28.56 °C. Unsur-unsur ini boleh meningkatkan kitaran hidup kutu dan pinjal, meningkatkan kadar kelangsungan hidup mereka dan membenarkan mereka menjangkiti hos untuk tempoh yang lebih panjang. *C. felis* dan *C. canis* sebelum ini telah dikenal pasti sebagai spesis ektoparasit kucing yang paling kerap menjangkiti kucing di seluruh dunia, termasuk di Malaysia (Jeffery et al., 2012).




(a)

(b)


Gambar 1: (a) *Ctenocephalides felis* dan (b) *Ctenocephalides canis* di bawah magnifikasi 100x

Jangkitan tungau telinga atau *earmites* *Otodectes cynotis* (Gambar 2a) pada kucing boleh dipengaruhi oleh beberapa perkara. Ini termasuklah bergaul dengan kucing lain yang mungkin mempunyai masalah yang sama, keadaan kesihatan kucing yang tidak baik, serta kebersihan telinga yang buruk (Gambar 3a). Anak kucing atau kucing yang sistem pertahanannya lemah juga lebih berisiko untuk dijangkiti *earmites* ini. Selain itu, kawasan yang lembap dan kotor juga boleh memberi peluang kepada ektoparasit ini untuk berkembang pesat. Tungau ini hidup di dalam kulit saluran telinga, namun kadang-kadang ia boleh berpindah ke kepala dan muka perumahannya (Little & Cortinas, 2023).

Manakala, sengkentit *Rhipicephalus sanguineus* (Gambar 2b) biasanya dapat ditemukan melekat di sekitar leher dan telinga kucing. Ia menghisap darah dan membesar hingga beberapa kali ganda ukurannya. Spesies ini mudah dilihat kerana ukurannya yang besar dan biasanya tidak bergerak setelah melekat pada kulit binatang (Gambar 3b).



Gambar 2: (a) *Otodectes cynotis* dan (b) *Rhipicephalus sanguineus* di bawah magnifikasi 100x.



Gambar 3: (a) Kucing yang dijangkiti *earmites* dan (b) kucing diserang sengkentit (*tick*). Sumber Google

Secara amnya, kucing yang dijangkiti ektoparasit seringkali menunjukkan tanda-tanda yang ketara seperti rasa gatal yang amat kuat, kehilangan bulu, kulit yang merah dan bengkak, parasit yang kelihatan dengan mata kasar, dan perasaan gelisah akibat ketidakselesaan yang mereka alami. Selain kesan kepada haiwan kesayangan, jangkitan ektoparasit juga merbahaya kepada manusia dan haiwan lain kerana ia boleh meyebarkan pelbagai penyakit dan kuman seperti bakteria dan virus (Webber, 2016). Sebagai contoh, sengkentit adalah agen penyebar atau vektor kepada penyakit Lyme yang disebabkan oleh bakteria *Borrelia burgdorferi*. Selain itu, ektoparasit ini juga adalah vektor bagi *Rocky mountain spotted fever* yang disebabkan oleh bakteria *Rickettsia rickettsia*.

Oleh itu, menjaga kebersihan dan kesihatan haiwan kesayangan ini adalah penting sebagai langkah pencegahan dari jangkitan ektoparasit. Jika anda melihat tanda-tanda kucing anda mungkin mempunyai jangkitan ektoparasit seperti di atas, sebaiknya bawalah kucing anda untuk menjalani pemeriksaan dan rawatan yang sesuai. Pendidikan awam yang intensif, kempen lanjutan veterinar, dan imunisasi tetap adalah penting untuk mengurangkan risiko jangkitan ektoparasit dalam kucing domestik. Bersama-sama, kita dapat menjaga kesihatan kucing kita dan mengurangkan risiko jangkitan ektoparasit kepada ahli keluarga.

#### Rujukan:

- Borji, H., Razmi, G., Ahmadi, A., Karami, H., Yaghfoori, S., & Abedi, V. (2011). A survey on endoparasites and ectoparasites of stray cats from Mashhad (Iran) and association with risk factors. *Journal of Parasitic Diseases*, 35(2), 202-206.
- Jittapalpong, S., Sangvaranond, A., Inpankaew, T., Pinyopanuwat, N., Chimnoi, W., Kengradomkij, C., & Wongnakphet, S. (2008). Ectoparasites of stray cats in Bangkok metropolitan areas, Thailand. *Agriculture and Natural Resources*, 42(5), 71-75.
- Jeffery, J., Norhidayu, S., Mohd Zain, S. N., Noor Hayati, M. I., & Nurazila, B. (2012). Research Note The cat fur mite, *Lynxacarus radovskyi* Tenorio, 1974 (Acarina: Astigmata:Listrophoridae) from cat, *Felis catus* in peninsular Malaysia. *Tropical Biomedicine*, 29(2), 308-310.
- Koutinas, A.F., Papazahariadou, M.G., Rallis, T.S., Tzivara, N.H. & Himonas, C.A. (1995). Flea species from dogs and cats in northern Greece: environmental and clinical implications. *Veterinary Parasitology* 58: 109-115.
- Little, S. E., & Cortinas, R. (2023). Mites [of Dogs and Cats].
- Webber, R. (2016) 'Ectoparasite Zoonoses', CABI Books. CABI International. doi:10.1079/9781780647425.0252.